

17 OCT 1997

ABANG ABU BAKAR WAKILI PERDANA MENTERI RASMI MARRIOTT HOTEL

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapa malam ini mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pembukaan rasmi JW Marriott Hotel di Bukit Bintang, di sini.

Ketika berucap pada majlis itu, Abang Abu Bakar berkata jumlah pelancong yang dijangka melawat Malaysia tahun ini ialah 9.6 juta dengan menghasilkan pendapatan RM11 bilion.

Jumlah pelancong yang dijangka melawat Malaysia tahun depan dijangka meningkat kepada 10 juta, dengan menghasilkan pendapatan RM18 bilion, kata beliau.

Beliau juga menggesa pengusaha hotel mengambil kesempatan daripada kekusutan nilai Ringgit dengan membawa masuk lebih banyak pelancong. --

BERNAMA

ARA FAZ